


Pendakwaan tegaskan kes hasutan Muhyiddin tak kompleks, luar biasa

BERITA HARIAN 05 JUN 2025 m/s: 18

Kuala Lumpur: Pihak pendakwaan menegaskan kes hasutan bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak membabitkan persoalan undang-undang yang sukar mahupun kompleks dan luar biasa.

Pendakwaan menyatakan demikian dalam affidavit balasan bagi menjawab permohonan Muhyiddin untuk merujuk persoalan undang-undang berhubung Akta Hasutan 1948 ke Mahkamah Persekutuan, bagi mencabar kesahihan peruntukan tertentu dalam akta berkenaan.

Melalui affidavit balasan yang diikrarkan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Razali Che Ani, Pendakwa Raya yang dinamakan selaku responden menyatakan terdapat pelbagai nas undang-undang yang telah diputuskan sebelum ini oleh mahkamah atasan berkait persoalan membabitkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Hasutan.



Muhyiddin Yassin

Seksyen 3(2) yang dibaca bersama Seksyen 3(3) Akta Hasutan 1948, adalah suatu isu pembelaan.

“Isu ini adalah perkara yang boleh dibangkitkan oleh pemohon (Muhyiddin) ketika perbicaraan kes dan sewajarnya diputuskan oleh hakim yang mendengar kes ini selepas semua saksi responden (pendakwaan) selesai memberikan keterangan.

“Oleh yang demikian, isu yang dibangkitkan oleh pemohon boleh digunakan sebagai pembelaan pemohon sepanjang proses perbicaraan di mahkamah.

“Isu yang dibangkitkan adalah bersifat akademik memandangkan perbi-

caraan masih belum dimulakan dan tiada sebarang keterangan yang telah dikemukakan untuk pertimbangan mahkamah.

“Justeru, bukanlah dalam kepentingan keadilan untuk kes ini dirujuk ke Mahkamah Persekutuan,” katanya.

Sehubungan itu, Pendakwa Raya memohon mahkamah tinggi menolak notis usul permohonan terbabit.

Pada prosiding sebutan kes semalam, Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin menetapkan 28 Ogos ini bagi mendengar permohonan berkenaan.

Isu pembelaan

Pendakwa Raya menegaskan bahawa isu dibangkitkan berkenaan ucapan, pertuturan atau perbincangan berkaitan dengan Fasal 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan kononnya termasuk dalam skop